Al-Quran yang Belum kita Baca



"Oh, ada ayat begini dalam al-Quran?!" Seolah-olahnya kita baru pertama kali membaca ayat itu. Pengalaman rohani ini sungguh mengasyikkan. Orang yang hafal dan faham al-Quran pun ada ketika melalui pengalaman ini. Para sahabat Nabi dahulu pun pernah alami. Menerusi lebih 50 kisah pendek dalam buku ini, penulis ingin berkongsi perasaan ini. Antara yang menarik:

- **Kisah 3** - Nabi Menangis
- **Kisah 4** - Cagar Dulu
- **Kisah 15** - Pujuk Suami
- **Kisah 32** - Sakit Sebulan
- **Kisah 35** - Semua Masuk Neraka!
- **Kisah 48** - Roti dan Kacang Dal
- **Kisah 60** - Menangis



LUQMAN MAKHTAR penulis sepenuh masa kelahiran Bachok, Kelantan dan kini menetap di Rawang, Selangor. Mantan editor Majalah *Solusi* dan *Al-Ustaz* ini sebelum ini menghadirkan trilogi buku *Asam Garam Rumah Tangga Nabi SAW* yang mendapat sambutan hangat. Doakan beliau terus istiqamah menghasilkan buku agama yang bermanfaat untuk umat.

Sem. Malaysia: **RM27.00**
Sabah & Sarawak: **RM29.00**


9 789671 647554

AL-QURAN YANG BELUM KITA BACA

LUQMAN MAKHTAR



50 KISAH YANG MEMBUATKAN KITA BERKATA,

Al-Quran yang Belum kita Baca

"OH! ADA AYAT INI DALAM AL-QURAN?!"

LUQMAN MAKHTAR





Al-Quran yang Belum kita Baca







KANDUNGAN







Bahagian Kedua

Bahagian Ketiga








BAHAGIAN SATU









Ada seorang tuan guru yang buta sejak lahir. Walaupun begitu, beliau hafal al-Quran sepenuhnya. Beliau pernah berkata, "Aku tidak rasa sedih pun dilahirkan buta melainkan dua perkara ini sahaja yang aku rasa ralat tidak dapat melihatnya; manusia dan langit!

Hal ini kerana Allah sebut tentang manusia,

لَقَدْ خَلَقْنَا ٱلْإِنسَٰنَ فِىٓ أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ٤

Ertinya: 'Sesungguhnya Kami menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya.' (*Surah al-Tin* 95: 4)

Adapun tentang langit, Allah menyebutkan,

وَلَقَدْ جَعَلْنَا فِى ٱلسَّمَآءِ بُرُوجًا وَزَيَّنَّٰهَا لِلنَّٰظِرِينَ ١٦

Ertinya: 'Sungguh Kami jadikan di langit gugusan-gugusan bintang dan Kami turut hiasi langit itu bagi orang yang melihatnya.' (*Surah al-Hijr* 15: 16)







Catatan

1. Saya sangat tersentak ketika pertama kali membaca kisah ini. Sejujurnya, ayat kedua betul-betul saya rasa seperti baru pertama kali membacanya.

2. Kita hanya perasan dan menghargai nikmat yang kita miliki daripada orang yang tidak bernasib baik merasainya. Contoh, anak-anak akan menghargai nikmat ibu bapa jika mereka berkenalan dengan rakan yang berstatus anak yatim piatu.

3. Ada beberapa tempat Allah ulang sebut hal langit yang dihiasi bintang ini. Antaranya dalam surah Fussilat, ayat 12. Allah berfirman,

   وَزَيَّنَّا ٱلسَّمَآءَ ٱلدُّنْيَا بِمَصَٰبِيحَ وَحِفْظًا

   Ertinya: "Dan Kami hiasi langit dunia dengan lampu-lampu (bintang) dan sebagai pelindung." (*Surah Fussilat* 41: 12)

   Menariknya, setiap kali Allah sebutkan fungsi bintang sebagai perhiasan langit, Allah sebut juga fungsi keduanya iaitu sebagai pelindung. Ayuh kita sama-sama terokai maknanya. Mengapakah dikatakan bintang itu juga pelindung, bukan sekadar penghias langit?



Ada 4 surah mula dengan إِنَّا*; 'Sesungguhnya Kami': al-Fath, Nun, al-Qadr dan al-Kawthar.*





Seorang lelaki ingin berhutang dengan jirannya. Jirannya menjawab, "Boleh, tetapi kamu mesti berikan suatu barang sebagai cagaran dahulu."

Dia berkata, "Apakah kamu tidak percaya kepadaku?"

Jirannya membalas, "Mestilah aku percaya. Namun, Nabi Ibrahim yang percaya kepada Allah juga pernah berkata,

بَلَىٰ وَلَٰكِن لِّيَطْمَئِنَّ قَلْبِي

Ertinya: 'Ya, tetapi supaya hatiku tenang.'" (*Surah al-Baqarah* 2: 260)

Catatan

1. Ayat ini membawa kita kepada satu kisah Nabi Ibrahim yang mungkin kita tidak perasan sebelum ini. Kisahnya tentang permintaan Nabi Ibrahim untuk melihat bagaimana Allah menghidupkan semula sesuatu yang mati. Lalu Allah menjawab, "Tidakkah kamu percaya?" Lalu Nabi Ibrahim menjawab dengan ucapan di atas. Kemudian Allah memerintahkan Nabi Ibrahim







mendapatkan empat ekor burung. Baca kisah selanjutnya daripada ayat tersebut.

2. Kisah Nabi Ibrahim banyak disebut dalam al-Quran. Kedua terbanyak selepas Nabi Musa. Percayalah, masih banyak yang belum kita terokai.

3. Ada orang yang mudah meminjam tetapi berat membayar semula. Sebaliknya, ada juga orang yang mudah memberi pinjam tetapi berat hendak meminta. Mungkin ini jalan penyelesaian untuk kes sebegini.



Allah pernah bersumpah dengan malam yang 10, merujuk kepada 10 malam Zulhijjah.
(Al-Fajr 89: 2)







BAHAGIAN DUA







Ibu Umar berkata, "Dahulu kami diberikan iman sebelum al-Quran.

"Maka tatkala diturunkan satu surah kepada Muhammad, kamipun mempelajari halal-haramnya, suruhan dan tegahannya dan apa yang harus kami fikir-fikirkan.

"Kini aku menyaksikan ramai yang diberikan al-Quran sebelum iman. Dia membaca kesemua yang terkandung antara surah pembuka hingga surah penutup, tetapi tidak tahu apa yang ada di antara permulaan kitab hingga ke akhirnya."

Sunan al-Baihaqi





27
Senyum Sahaja

Alkisah seorang raja mengepung sebuah negeri. Lalu raja itu mengirim surat meminta raja negeri yang dikepung itu menyerah kalah sahaja tanpa berperang. Dalam surat itu, dia menulis ayat berikut sebagai isyarat:

حَتَّىٰٓ إِذَآ أَتَوۡاْ عَلَىٰ وَادِ ٱلنَّمۡلِ قَالَتۡ نَمۡلَةٞ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّمۡلُ ٱدۡخُلُواْ
مَسَٰكِنَكُمۡ لَا يَحۡطِمَنَّكُمۡ سُلَيۡمَٰنُ وَجُنُودُهُۥ وَهُمۡ لَا يَشۡعُرُونَ ١٨

Ertinya: "Sehingga apabila mereka sampai di lembah semut, seekor semut berkata, 'Wahai semut, masuklah kalian ke dalam sarang masing-masing. **Jangan sampai Sulaiman dan tenteranya memijak serta membinasakan kamu,** sedang mereka tidak menyedarinya." (*Surah al-Naml* 27: 18)

Apabila surat itu sampai kepada raja negeri tersebut, baginda dan menterinya sangat marah. Mereka bertekad untuk berperang. Kemudian raja bertanya, "Bagaimana kita hendak membalas surat ini?"







Maka seorang pegawainya berkata, “Biar saya yang menulis suratnya.”

Lalu dalam surat itu, dia juga menulis ayat isyarat:

فَتَبَسَّمَ ضَاحِكًا مِّن قَوْلِهَا

Ertinya: **“Dia (Sulaiman) tersenyum sahaja lalu ketawa** mendengar kata-kata semut itu.” (*Surah al-Naml* 27: 19)

Catatan

1. Ayat dalam kisah ini membawa kita mengulang kaji satu kisah ajaib dalam al-Quran. Kisah Nabi Sulaiman dengan semut ini sering dianggap kisah kanak-kanak walhal kisah al-Quran sarat pedoman buat orang berakal.

2. Selepas Nabi Sulaiman ketawa mendengar kata-kata semut, beliau pun berdoa dengan doa berikut. Amat bagus doa ini menjadi doa amalan peribadi kita juga.

رَبِّ أَوْزِعْنِيٓ أَنْ أَشْكُرَ نِعْمَتَكَ ٱلَّتِيٓ أَنْعَمْتَ عَلَيَّ وَعَلَىٰ وَٰلِدَيَّ
وَأَنْ أَعْمَلَ صَٰلِحًا تَرْضَىٰهُ وَأَدْخِلْنِي بِرَحْمَتِكَ فِي عِبَادِكَ
ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿١٩﴾

Ertinya: “…‘Wahai Tuhanku, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur dengan nikmat-Mu yang Engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibu bapaku, dan supaya aku tetap mengerjakan amal soleh yang Engkau redai. Dan masukkanlah daku dengan limpah rahmat-Mu dalam kalangan hamba-Mu yang soleh.” (*Surah al-Naml* 27: 19)





BAHAGIAN TIGA







59

Air Mata Palsu

Abu Qudamah Haris bin Ubaid al-‘Iyadi menceritakan bahawa sekumpulan orang datang berjumpa Hasan al-Basri. Mereka berkata, “Wahai Abu Said, kami mengikuti halaqah zikir, lalu kami lihat sebahagian orang datang dan terus menangis. Manakala kami tidak mampu untuk menangis.”

Hasan al-Basri menjawab, “Meskipun mata tidak menangis, hati dan amal menangis. Betapa ramai orang yang matanya menangis sedangkan air matanya palsu.”

Kemudian dia membaca ayat;

وَجَآءُوٓ أَبَاهُمۡ عِشَآءٗ يَبۡكُونَ ١٦

Ertinya: “Mereka mendatangi ayah mereka pada petang itu sambil berpura-pura menangis.” (*Surah Yusuf* 12: 16)

Catatan

1. Petikan ayat di atas ialah sedutan daripada kisah Nabi Yusuf iaitu ketika abang-abangnya pulang ke rumah dalam keadaan buat-buat menangis dek kematian Yusuf.







2. Kata-kata Imam Hasan al-Basri sangat menarik perhatian saya. Pencerahan beliau memahamkan kita akan hakikat sebenar memahami al-Quran. Ada orang yang mudah tersentuh hatinya mendengar bacaan al-Quran. Bahkan ada yang sampai menangis. Bukan kerana insaf ditegur ayat tetapi dek emosinya terbuai oleh kesyahduan alunan bacaan dan suara qari. Bukan ini yang kita cari!



Nabi Musa ialah nabi yang paling kerap namanya Allah sebut dalam al-Quran iaitu sebanyak 136 kali.